

TARIKH	25 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	10	RUANGAN	Negara

Jemaah haji dinasihat hati-hati dengan cuaca panas

MADINAH - Jemaah haji dinasihat agar tidak mendedahkan diri kepada kepanasan cahaya matahari yang melampau di Tanah Suci ekoran cuaca panas yang ada kalanya mencecah sehingga 44 darjah celsius.

Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, para jemaah juga perlu berhati-hati agar tidak terlalu terdedah kepada cuaca panas, terutama semasa hendak ke masjid dan

membeli-belah.

"Kepada bakal haji yang masih berada di Malaysia, saya juga nasihatkan supaya bawa bekalan ubat-ubatan secukupnya untuk hari-hari pertama dan kedua, walaupun klinik Tabung Haji ada tetapi tidak boleh diambil ringan keperluan ubat-ubatan ini," katanya kepada pemberita di Hotel Al Haram yang menjadi tempat operasi Tabung Haji di sini.

Beliau yang juga Pengurus Besar Kanan

Haji, Tabung Haji berkata, bakal jemaah haji di Malaysia juga diminta berehat dan tidur secukupnya kerana beliau mendapati ada jemaah yang tiba di Tanah Suci mengalami masalah kurang tidur dan mula menerima gangguan emosi, fikiran dan sebagainya.

Beliau juga mengingatkan jemaah haji agar menjaga keselamatan diri mereka kerana di sini orang begitu ramai dan kalau pergi ke mana-mana biarlah secara ber-

kumpulan untuk mengelak daripada ter-

sesat.
 Syed Saleh berkata, setakat semalam, seramai 7,535 orang jemaah atau 28 peratus daripada jumlah keseluruhan 28,000 orang sudah sampai ke Tanah Suci melalui Madinah dan Jeddah.

Mereka akan mula bergerak masuk ke Mekah pada 25 September ini, katanya.
 - Bernama